



IKLAN PERMOHONAN TAJAAN BIASISWA/ PINJAMAN PENGAJIAN TINGGI YAYASAN SABAH 2023

Pemohon yang berkelayakan adalah dipelawa untuk memohon tajaan Dermasiswa/Biasiswa/Pinjaman Pengajian Tinggi untuk mengikuti pengajian di peringkat Sijil, Diploma atau Ijazah Sarjana Muda bagi sesi pengajian 2023.

Kriteria pemohon adalah seperti berikut:

- Pemohon, ibu **dan** bapa warganegara Malaysia yang berasal dari negeri Sabah; atau
- Pemohon, ibu **dan** bapa warganegara Malaysia tetapi salah seorang ibu atau bapa berasal dari negeri Sabah; atau
- Pemohon, ibu **atau** bapa warganegara Malaysia tetapi salah seorang ibu **atau** bapa mempunyai **status** Penduduk Tetap di negeri Sabah.

*Keutamaan diberikan kepada mereka yang berasal dan menetap di negeri Sabah.

1. JENIS TAJAAN:

1.1 BIASISWA

1.1.1 Biasiswa Cemerlang Negeri Sabah (BCNS)

Kursus : Matrikulasi / Pra / Asasi / 'A'Level/ Diploma
Tempat Pengajian : Dalam negara, keutamaan kepada pelajar yang mengikuti Program Berkembar (TTP)

1.1.2 Biasiswa Cemerlang Pelajar Luar Bandar (BCPLB)

Kursus : Matrikulasi / Pra / Asasi / Diploma
Tempat Pengajian : UiTM / UMS / UMP / UM / UniSZA / UniSHAMS / Kolej Pro. Baitulmal, KL / KTYS / UCSF / KUIPSAS

1.1.3 Biasiswa Bahasa Arab / Pengajian Islam

Peringkat Pengajian : Diploma / Ijazah Sarjana Muda
Tempat Pengajian : Institusi Pengajian Tinggi Tempatan / Program Berkembar (TTP) / ASEAN / Timur Tengah

1.1.4 Biasiswa Ulum Islamiah

Peringkat Pengajian : Ijazah Sarjana Muda
Tempat Pengajian : Universiti Al-Azhar, Mesir

1.1.5 Biasiswa Perubatan Mesir

Peringkat Pengajian : Ijazah Sarjana Muda
Kursus : Perubatan (Mesir)
Tempat Pengajian : Al-Azhar University, Mesir
Alexandria University, Mesir

1.1.6 Biasiswa Bahasa Arab (KTYS-Timur Tengah)

Peringkat Pengajian : Asasi-Ijazah Sarjana Muda
Kursus : Bahasa Arab
Tempat Pengajian : Kolej Teknologi Yayasan Sabah (KTYS)
Yarmouk University, Jordan

1.1.7 Biasiswa Kejuruteraan (KTYS-UMP)

Peringkat Pengajian : Ijazah Sarjana Muda
Kursus : Kejuruteraan Mekatronik,
Kejuruteraan Automotif,
Kejuruteraan Perniagaan dan
Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik
Tempat Pengajian : Universiti Malaysia Pahang (UMP)
(Program Kerjasama Jerman)

dan

Kursus : Asasi Kejuruteraan
Tempat Pengajian : Kolej Teknologi Yayasan Sabah (KTYS)/
Program Kerjasama dengan Universiti
Malaysia Pahang (UMP)

1.1.8 Biasiswa Pendidikan Awal Kanak-Kanak

Peringkat Pengajian : Diploma
Tempat Pengajian : Kolej Teknologi Yayasan Sabah (KTYS)

1.1.9 Biasiswa Pengajian Tinggi (IPTA/IPTS)

Peringkat Pengajian : Diploma dan Ijazah
Kursus : Pertanian, Veterinar, Perakaunan, Seni
Bina, Ukur Bahan, Keusahawanan,
Pergigian
Tempat Pengajian : IPT Tempatan

1.1.10 Biasiswa Pelancongan/Perhotelan (UCSF)

Peringkat Pengajian : Diploma/Ijazah Sarjana Muda
Tempat Pengajian : University College Sabah Foundation
(UCSF)

1.2 DERMASISWA

1.2.1 Dermasiswa KTYS/Politeknik/UiTM

Peringkat Pengajian : Sijil/Diploma
Tempat Pengajian : Kolej Teknologi Yayasan Sabah (KTYS)/
Politeknik/UiTM

1.3 PINJAMAN PENGAJIAN

Pinjaman Pengajian ditawarkan kepada pemohon yang mengikuti kursus yang tidak tersenarai di dalam kursus Dermasiswa/Biasiswa Kumpulan Yayasan Sabah.

2. KELAYAKAN AKADEMIK

2.1 Biasiswa Cemerlang Negeri Sabah (BCNS)

Pemohon mestilah sekurang-kurangnya memperoleh 5A+ termasuk Bahasa Melayu dalam peperiksaan SPM 2022.

2.2 Biasiswa Cemerlang Pelajar Luar Bandar (BCPLB)

Pemohon mestilah sekurang-kurangnya memperoleh 5A termasuk Bahasa Melayu dalam peperiksaan SPM 2022. Khusus kepada golongan B40 luar bandar.

2.3 Biasiswa Bahasa Arab/Pengajian Islam dan Biasiswa Ulum Islamiah

Pemohon mestilah memperoleh **Sijil Penuh** dalam peperiksaan **STAM**

(sekurang-kurangnya **Jaid Jiddan/Sangat Baik**) dan/atau memperoleh sekurang-kurangnya **5 kredit** termasuk **Bahasa Melayu dan Bahasa Arab** dalam peperiksaan **SPM**.

2.4 Biasiswa Perubatan Mesir

Pemohon mestilah memperoleh sekurang-kurangnya **CGPA 3.00** dalam peperiksaan **PreMedic/Matrikulasi**.

2.5 Biasiswa Bahasa Arab (KTYS-Timur Tengah)

Pemohon mestilah memperoleh **Sijil Penuh** dalam peperiksaan **STAM** (sekurang-kurangnya **Jaid Jiddan/Sangat Baik**) dan/atau memperoleh sekurang-kurangnya **4 kredit** termasuk **Bahasa Melayu, Bahasa Arab, Pendidikan Al Quran & Sunnah dan Pendidikan Syariah Islamiah** dalam peperiksaan **SPM**.

2.6 Biasiswa Kejuruteraan (KTYS-UMP)

Pemohon mestilah memperoleh sekurang-kurangnya **CGPA 3.00** dalam peperiksaan peringkat **Asasi Kejuruteraan** di Kolej Teknologi Yayasan Sabah (KTYS). Manakala bagi kursus peringkat Asasi Kejuruteraan, pemohon mestilah memperoleh sekurang-kurangnya **5 kredit** termasuk **Bahasa Melayu** dalam peperiksaan **SPM**.

2.7 Biasiswa IPTA/IPTS

Pemohon mestilah memperoleh sekurang-kurangnya **5 kredit** termasuk **Bahasa Melayu** dalam peperiksaan **SPM**.

2.8 Biasiswa Pelancongan/Perhotelan (UCSF)

Pemohon mestilah memperoleh sekurang-kurangnya **5 kredit** termasuk **Bahasa Melayu** dalam peperiksaan **SPM**.

2.9 Biasiswa Pendidikan Awal Kanak-Kanak (KTYS)

Pemohon mestilah memperoleh sekurang-kurangnya **3 kredit** termasuk **Bahasa Melayu** dalam peperiksaan **SPM**.

2.10 Dermasiswa KTYS/Politeknik/UiTM

Pemohon mestilah memperoleh sekurang-kurangnya **3 kredit** termasuk **Bahasa Melayu** dalam peperiksaan **SPM**.

2.11 Pinjaman Pengajian

Pemohon mestilah memperoleh sekurang-kurangnya **5 kredit** termasuk **Bahasa Melayu** dalam peperiksaan **SPM**.

3. CARA MEMOHON (Sila baca dengan teliti)

Permohonan boleh dibuat dengan melengkapkan borang permohonan secara dalam talian (*online*) di <http://www.yayasansabahgroup.org.my> melalui pautan Portal Permohonan Tajaan Yayasan Sabah 2023. Pemohon perlu mendaftar dengan e-mel peribadi. Sila maklum bahawa borang permohonan secara dalam talian (*online*) ini hanya sesuai dibuka menggunakan komputer riba (*laptop*) atau komputer peribadi (PC) dan menggunakan pelayar Google Chrome.

3.1 Sila klik "**DAFTAR AKAUN**" dan isikan **nama, nombor MyKad, e-mel** yang **sah/aktif** dan juga negeri asal / daerah asal.

3.2 Setelah selesai mengisi semua maklumat berkaitan, sila tekan butang "**Daftar**".

3.3 Selepas **daftar**, pemohon akan menerima e-mel yang mengandungi **ID dan Kata Laluan (password)**.

3.4 Sila **klik** pautan di dalam e-mel yang diterima untuk **mengaktifkan akaun** dan seterusnya log masuk untuk mengisi borang permohonan secara dalam talian (*Online*).

3.5 Sila lengkapkan borang permohonan mengikut arahan yang disediakan sebelum menekan butang "**HANTAR**".

*Nota :

Bagi pemohon lepasan **SPM 2022**, sila pastikan maklumat keputusan SPM adalah **keputusan rasmi**.

Sekiranya pemohon telah mendaftar tetapi tidak menerima e-mel, sila hubungi pejabat Bahagian Pembangunan Pendidikan Kumpulan Yayasan Sabah di talian 088 - 326402 / 326385 / 326390 / 326392 / 326393 / 326395 / 326396 / 326397 / 326399 / 326603 / 434195 atau e-mel bpypinfo@ysnet.org.my

4. PERHATIAN:

4.1 Tarikh tutup permohonan ialah pada **5 Julai 2023**.

4.2 Permohonan yang tidak memenuhi syarat-syarat seperti yang ditetapkan **TIDAK** akan dipertimbangkan.

4.3 Sila cetak **SENARAI SEMAK** dan **BORANG PERMOHONAN** yang telah dilengkapkan berserta dokumen sokongan yang telah disahkan untuk diserahkan kepada Bahagian Pembangunan Pendidikan, Kumpulan Yayasan Sabah selawat-lewatnya sebelum atau pada tarikh tutup permohonan seperti yang dinyatakan.

4.4 Permohonan dianggap **TIDAK BERJAYA** sekiranya tidak mendapat jawapan selepas **30 September 2023**.